

Tema 7: Pertanian dan Penternakan

Objektif Pembelajaran

Pada akhir aktiviti, murid dapat:

1. Membaca dan memahami serta membincangkan isi penting daripada petikan secara koperatif.
2. Menyampaikan maklumat melalui lakonan berdasarkan peranan yang diberikan secara kreatif dan berkesan.
3. Menulis dialog dan membuat lakonan berdasarkan situasi jual beli hasil pertanian dan ternakan.

Bahan yang Diperlukan

1. Petikan pendek
2. Prop ringkas

Langkah-langkah Aktiviti

1. Guru menyediakan petikan pendek. Contoh:

Kampung Pak Saleh

Pak Saleh seorang petani yang rajin. Setiap pagi, Pak Saleh ke kebun untuk menanam sayur-sayuran seperti sawi, kangkung dan bayam. Pak Saleh juga menternak ayam dan kambing di kawasan belakang rumahnya. Pak Saleh menjaga semua haiwan ternakannya dengan baik. Hasil pertanian dan penternakan diperolehi pada setiap minggu dan dijual di pasar. Pak Saleh bersyukur kerana usahanya itu membantu dia untuk menyara keluarganya.

2. Murid dibahagikan mengikut kumpulan.
3. Setiap murid dalam kumpulan diberi satu peranan (Contoh: Pak Saleh, pembeli dan penjaga gerai).
4. Setiap kumpulan menyediakan dialog ringkas dan membuat lakonan drama pendek berpanduan petikan dan dialog.
5. Guru memberikan maklum balas.